

Headline **Jacob Zuma angkat sumpah Presiden Afrika Selatan**  
 Date **10. May 2009** Language **MALAY**  
 Media Title **Berita Minggu** Page No **21**  
 Section **Dunia** Article Size **176** cm2  
 Circulation **342946** Frequency **Daily**  
 Readership **2476000** Color **One Spot Color**  
 AdValue **2707.17**



## Jacob Zuma angkat sumpah Presiden Afrika Selatan

**P**RETORIA: Pemimpin Kongres Kebangsaan Afrika (ANC), Jacob Zuma (**kanan**), mengangkat sumpah sebagai Presiden baru Afrika Selatan semalam di majlis dihadiri beribu-ribu penduduk yang berkumpul sejak awal pagi.

Hampir 30 ketua negara adalah antara 30,000 orang yang membanjiri Bangunan Kesatuan di ibu kota Afrika Selatan itu untuk majlis berkenaan.

Rakyat mula berhimpun di Pretoria sebelum subuh malah cuaca sejuk dan hujan tidak menghalang penyokong Zuma untuk meraikan pelantikan itu.

Zuma secara rasmi dipilih sebagai presiden oleh anggota Parlimen Rabu lalu, selepas ANC menang pilihan raya umum dua minggu lalu.

Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe dan Presiden Libya, Muammar Gaddafi, adalah antara hampir 30 ketua negara yang hadir. Sementara beribu-ribu penyokong menjonton majlis itu menerusi televisyen di lokasi di bawah bangunan berkenaan yang turut menempatkan pejabat presiden.

Orang ramai mula berkumpul sebelum subuh, sebahagiannya menyanyikan lagi memuji presiden baru



mereka. Ramai antara mereka menyatakan keseronokan dapat menyaksikan Zuma, 67, menjadi presiden. "Kami seronok. Beliau

adalah pemimpin rakyat. Beliau mengenali rakyat miskin negara ini," kata seorang penyokong pemimpin itu, Nkompela Xolile, kepada Perbadanan Penyiaran Britain (BBC).

Majlis mengangkat sumpah itu diikuti dengan konsert besar-besaran dan beberapa konsert serta parti lagi dirancang sepanjang hari dan malam.

Perjalanan Zuma ke Bangunan Kesatuan adalah satu perjuangan bersejarah, menurut wartawan BBC di Afrika Selatan, Peter Biles.

Beliau dipecat sebagai timbalan oleh bekas Presiden Thabo Mbeki empat tahun

lalu selepas disabitkan dalam skandal rasuah - dakuwaan yang selalu dinafikan Zuma. Kes berkenaan digurkan di tengah bukti kerajaan masuk campur dalam siasatan.

Pada Februari 2006, Zuma yang mengamalkan poligami dibebaskan daripada kes rogol, walaupun dikritik keras kerana kenyataannya mengenai seks dan HIV/Aids.

Zuma menyenaraikan lima keutamaannya sebagai pengagihan semula tanah, pendidikan, kesihatan, menurunkan kadar jenayah dan mencari kerja baik untuk semua rakyat Afrika Selatan. - Agensi